



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 61

3hb Julai 2008

No. 14

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948
SUBORDINATE COURTS ACT 1948

No. 868.

PELANTIKAN MAJISTRET KELAS SATU
DI DAN BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

APPOINTMENT OF FIRST CLASS MAGISTRATES
IN AND FOR THE STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 78(b) Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], Pihak Berkuasa Negeri atas syor Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya, telah melantik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual sebagai Majistret Kelas Satu di dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan berkuat kuasa mulai dari tarikh yang dinyatakan bersetentangan dengan nama mereka masing-masing dalam ruang (2).

In exercise of the powers conferred by paragraph 78(b) of the Subordinate Courts Act 1948 [*Act 92*], the State Authority on the recommendation of the Chief Judge of the High Court in Malaya, has appointed the officers named in column (1) of the Schedule to be First Class Magistrates in and for the State of Perak Darul Ridzuan with effect from date specified against their respective names in column (2).

JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)
Puan Noor Aini binti Yusof	16.10.2007
Puan Sharmila binti Abdul Samad	16.10.2007
Encik Dalwinder Singh a/l Mohinder Singh	16.10.2007
Encik Mohamed Ruhizat bin Abdullah	19.11.2007
Encik Mohd. Radzi Shah bin Ab. Razak	19.11.2007
Puan Mahyun binti Yusof	1.12.2007
Puan Nurulizwan binti Ahmad Zubir	15.2.2008

Bertarikh 22 Mei 2008

Dated 22 May 2008

[PSUK.PK.(BKP)1A 355/951/2/1 Jld. 3(50); PU.Pk. 47/99(A)]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI

Setiausaha/Secretary

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

No. 869.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 78(b) Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], Pihak Berkuasa Negeri atas syor Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya, telah melantik Encik Mohd Rosly bin Mohamed Nawawi sebagai Majistret Kelas Satu di dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan berkuat kuasa mulai 1 April 2008.

In exercise of the powers conferred by paragraph 78(b) of the Subordinate Courts Act 1948 [*Act 92*], the State Authority on the recommendation of the Chief Judge of the High Court in Malaya, has appointed Encik Mohd Rosly bin Mohamed Nawawi to be a First Class Magistrate in and for the State of Perak Darul Ridzuan with effect from 1 April 2008.

Bertarikh 3 Jun 2008

Dated 3 June 2008

[PSUK.PK.(BPK)1A 355/951/2/1 Jld. 3 SK 2(4); PU.Pk. 47/99(A)]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI

Setiausaha/Secretary

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

AKTA EKSAIS 1976

EXCISE ACT 1976

No. 870.

PELANTIKAN AHLI-AHLI LEMBAGA PELESENAN

APPOINTMENT OF MEMBERS OF THE LICENSING BOARD

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 31 Akta Eksais 1976 [Akta 176], yang telah diwakilkan oleh Menteri kepada Menteri Besar Perak Darul Ridzuan melalui pemberitahuan yang disiarkan sebagai P.U.(B) 353 bertarikh 2 Jun 1977, saya, Dato' Seri Ir. Haji Mohammad Nizar bin Jamaluddin, Menteri Besar, Perak Darul Ridzuan, melantik orang yang dinamakan dalam Jadual menjadi ahli-ahli Lembaga Pelesenan bagi Daerah Hilir Perak bagi tempoh 3 tahun mulai dari 1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2010.

In exercise of the powers conferred by section 31 of the Excise Act 1976 [Act 176], which had been delegated by the Minister to the Menteri Besar of Perak Darul Ridzuan *vide* notification published as P.U. (B) 353 dated 2 June 1977, I, Dato' Seri Ir. Haji Mohammad Nizar bin Jamaluddin, Menteri Besar, Perak Darul Ridzuan, appoint the persons named in the Schedule to be members of the Licensing Board for the District of Hilir Perak for a period of 3 years with effect from 1 January 2008 until 31 December 2010.

JADUAL/SCHEDULE

Pegawai Daerah Hilir Perak	Pengerusi/Chairman
Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)	Naib Pengerusi/ Vice Chairman
Chiah Chin Chun	Ahli/Member
Heng Khai Kiang	Ahli/Member
Wong Kin Yeow	Ahli/Member

Bertarikh 4 Jun 2008

Dated 4 June 2008

[PSUK.PK.(BKP)1A 355/951/10 Jld. 3(2); PU.Pk. 53/99]

DATO' SERI IR. HAJI MOHAMMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN

Menteri Besar
Perak Darul Ridzuan

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984
NATIONAL FORESTRY ACT 1984

No. 871.

PELANTIKAN DAN PEMBATALAN PELANTIKAN
TIMBALAN PENGARAH PERHUTANAN NEGERI PERAK

APPOINTMENT AND REVOCATION OF APPOINTMENT OF
DEPUTY DIRECTOR OF THE FORESTRY OF THE STATE OF PERAK

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Encik Yap Yee Hwai untuk memegang jawatan sebagai Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri Perak (Pembangunan) berkuat kuasa mulai dari 1 Oktober 2007.

2. Pelantikan Tuan Haji Mohd. Nasir bin Haji Abu Hassan dibatalkan mulai dari tarikh 1 Oktober 2007.

In exercise of the powers conferred by subsection 3(1) of the National Forestry Act 1984 [*Act 313*], the State Authority has appointed Encik Yap Yee Hwai to hold the office of Deputy Director of the Forestry of the State of Perak (Development) with effect from 1 October 2007.

2. The appointment of Tuan Haji Mohd. Nasir bin Haji Abu Hassan is revoked with effect from 1 October 2007.

Bertarikh 22 Mei 2008

Dated 22 May 2008

[PSUK.PK.(BKP)1A 355/951/7 Jld. 2(20); PU.Pk. 27/05]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI
Setiausaha/Secretary
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

AKTA PERIKANAN 1985
FISHERIES ACT 1985

No. 872.

PELANTIKAN PEGAWAI PERIKANAN DARAT DAN
TIMBALAN PEGAWAI PERIKANAN DARAT
DI DAN BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

APPOINTMENT OF INLAND FISHERIES OFFICER AND
DEPUTY INLAND FISHERIES OFFICER
IN AND FOR THE STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 Akta Perikanan 1985 [*Akta 317*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) di dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan berkuat kuasa mulai 1 Februari 2008 bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta setakat yang berhubungan dengan penyu dan perikanan darat di Negeri Perak Darul Ridzuan.

In exercise of the powers conferred by section 5 of the Fisheries Act 1985 [Act 317], the State Authority has appointed the officers named in column (1) of the Schedule to hold the office specified in column (2) in and for the State of Perak Darul Ridzuan with effect from 1 February 2008 for the purposes of implementing the provisions of the Act in so far as they relate to turtles and inland fisheries in the State of Perak Darul Ridzuan.

JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)
Tuan Haji Sani bin Mohd. Isa	Pegawai Perikanan Darat
Encik Abd Hamid bin Ismail	Timbalan Pegawai Perikanan Darat
Encik Mohd. Hazizi bin Mutaffar	Timbalan Pegawai Perikanan Darat
Encik Mohammad Azlan bin Zul Hasnan	Timbalan Pegawai Perikanan Darat
Puan Nur Hafizah binti Haji Suhaimi	Timbalan Pegawai Perikanan Darat
Encik Hydir bin Sahron	Timbalan Pegawai Perikanan Darat
Encik Mohd. Amin bin Norji	Timbalan Pegawai Perikanan Darat

Bertarikh 22 Mei 2008

Dated 22 May 2008

[PSUK.PK.(BPK)1A 355/951/12(39); PU.Pk. 4/88 Jld. 2]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI

Setiausaha/Secretary

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

**AKTA BANGUNAN DAN HARTA BERSAMA
(PENYENGGARAAN DAN PENGURUSAN) 2007**

**BUILDING AND COMMON PROPERTY
(MAINTENANCE AND MANAGEMENT) ACT 2007**

No. 873.

PELANTIKAN YANG DIPERTUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN
SEBAGAI PESURUHJAYA BANGUNAN

APPOINTMENT OF THE PRESIDENT OF LOCAL AUTHORITY AS
COMMISSIONER OF BUILDINGS

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual menjadi Pesuruhjaya Bangunan berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan bersetentangan dengan nama mereka masing-masing dalam ruang (2).

In exercise of the powers conferred by subsection 3(1) of the Building and Common Property (Maintenance and Management) Act 2007 [Act 663], the State Authority has appointed the Presidents of the Local Authority named in column (1) of the Schedule as the Commissioner of Buildings of the Local Authority with effect from the dates set out opposite their respective names specified in column (2).

JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)
Y. Bhg. Dato' Mohamad Rafiai bin Haji Moktar Datuk Bandar Ipoh	12 April 2007 – 5 Jun 2008
Y. Bhg. Dato' Haji Abdul Karim bin Osman YDP Majlis Daerah Gerik	12 April 2007
Y. Bhg. Dato' Haji Md. Damiri bin Md. Sairi YDP Majlis Daerah Tapah	12 April 2007
Y. Bhg. Dato' Haji Mohd. Shafie bin Arifin YDP Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	12 April 2007
Y. Bhg. Dato' Razali bin Othman YDP Majlis Daerah Kinta Barat	12 April 2007
Encik Omor bin Saad YDP Majlis Perbandaran Taiping	1 Ogos 2007
Encik Zamri bin Man YDP Majlis Perbandaran Manjung	22 Oktober 2007
Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ahmad YDP Majlis Perbandaran Teluk Intan	12 April 2007
Encik Ismail bin Hassan YDP Majlis Daerah Kerian	16 Disember 2007
Encik Muhamad bin Musa YDP Majlis Daerah Tanjong Malim	12 April 2007
Encik Hasim bin Haji Hasan YDP Majlis Daerah Perak Tengah	12 April 2007
Encik Khairul Anwar bin Ramli YDP Majlis Daerah Kinta Selatan	10 Disember 2007
Encik Ishak bin Md. Napis YDP Majlis Daerah Lenggong	12 April 2007

Encik Rumaizi bin Baharin
YDP Majlis Daerah Pengkalan Hulu

1 November 2007

Tuan Haji Mohammad Yusoff bin
Abustan
YDP Majlis Daerah Selama

1 November 2007

Bertarikh 13 Jun 2008

Dated 13 June 2008

[PSUK.PK.(KT-AM)(S) 525/279; PU.Pk. 38/2008]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI
Setiausaha/Secretary
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

ENAKMEN LEMBAGA AIR PERAK 1988
PERAK WATER BOARD ENACTMENT 1988

No. 874.

PELANTIKAN ANGGOTA LEMBAGA AIR PERAK
APPOINTMENT OF MEMBER OF THE PERAK WATER BOARD

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 3(2)(e) Enakmen Lembaga Air Perak 1988 [*Pk. En. 12/88*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Y.B. Dato' Ngeh Koo Ham sebagai anggota Lembaga Air Perak bagi tempoh dua tahun mulai dari 14 April 2008 hingga 14 April 2010.

In exercise of the powers conferred by paragraph 3(2)(e) of the Perak Water Board Enactment 1988 [*Pk. En. 12/88*], the State Authority has appointed Y.B. Dato' Ngeh Koo Ham as a member of the Perak Water Board for a period of two years with effect from 14 April 2008 until 14 April 2010.

Bertarikh 22 Mei 2008

Dated 22 May 2008

[PSUK.PK.(BKP) 1A 355/951/2/9 Jld. 3(38);
PU.Pk. 15/88 Bhg. III]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI
Setiausaha/Secretary
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

ENAKMEN RIZAB MELAYU

(N.M.B. Bab. 142)

MALAY RESERVATIONS ENACTMENT

(F.M.S. Cap. 142)

No. 875.

PEMBATALAN SEBAHAGIAN DARIPADA RIZAB MELAYU SUNGAI JAMBU

PARTIAL RESERVATION OF THE SUNGAI JAMBU MALAY RESERVE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 4(i)(b) Enakmen Rizab Melayu [*N.M.B. Bab 142*], Menteri Besar Perak dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengisytiharkan bahawa mulai dari tarikh disiarkan pemberitahuan ini dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak*, maka kawasan yang dinyatakan dalam Jadual yang menjadi sebahagian daripada kawasan yang diisytiharkan sebagai Rizab Melayu Sungai Jambu melalui Pemberitahuan No. 4655 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* pada 29 Ogos 1940 hendaklah terhenti daripada menjadi Rizab Melayu.

JADUAL

Kawasan seluas 5430 meter persegi dalam Mukim Selama, Daerah Selama bergaris tepi warna kelabu pada P.W. 1882 yang tersimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Perak.

Bertarikh 5 Jun 2008

[PTG.Pk. 242/9-25(C); P.T. Sel.A/1/SEL/68/83;

PU.Pk. 67/71-50 Jld. 2]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI

*Setiausaha**Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri**Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by paragraph 4(i)(b) of the Malay Reservation Enactment [*F.M.S. Cap 142*], the Menteri Besar Perak with the approval of the State Authority hereby declares that from the date of publication of this notification in the Perak Government *Gazette*, the area describe in the Schedule being part of the area declared as the Sungai Jambu Malay Reserve *vide* Notification No. 4655 published in the Federated Malay States Government Gazette on 29 August 1940 shall cease to be Malay Reserve.

SCHEDULE

An area approximately 5430 square metre in the Mukim of Selama, District of Selama, onlined grey on P.W. 1882 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Perak.

Dated 5 June 2008

[PTG.Pk. 242/9-25(C); P.T. Sel.A/1/SEL/68/83;

PU.Pk. 67/71-50 Jld. 2]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI

Secretary

State Executive Council

Perak Darul Ridzuan

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56/65)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56/65)

No. 876.

PELANTIKAN DAN PEMBATALAN PELANTIKAN PEGAWAI-PEGAWAI UKUR
DI DAN BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

APPOINTMENT AND REVOCATION OF APPOINTMENT OF SURVEY OFFICERS
IN AND FOR THE STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56/65*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual Pertama untuk memegang jawatan Pegawai Ukur di dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan berkuat kuasa mulai dari tarikh yang dinyatakan bersetentangan dengan nama mereka masing-masing dalam ruang (2).

2. Pelantikan pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual Kedua adalah dibatalkan mulai dari tarikh yang dinyatakan bersetentangan dengan nama mereka masing-masing dalam ruang (2).

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [*Code 56/65*], the State Authority has appointed the officers named in column (1) of the First Schedule to hold the office of Survey Officer in and for the State of Perak Darul Ridzuan with effect from the dates set out opposite their respective names in column (2).

2. The appointment of officers named in column (1) of the Second Schedule is revoked with effect from the dates set out opposite their names in column (2).

JADUAL PERTAMA/FIRST SCHEDULE

(1)	(2)
Encik Hazman bin Md. Jauhar	14.12.2007
Encik Sasikumar a/l M. Krishnan	14.1.2008
Encik Khairol Azmi bin Shahrin	1.10.2007
Encik Mohd. Shariful Izuan bin Abd. Rahim	5.11.2007

JADUAL KEDUA/SECOND SCHEDULE

(1)	(2)
Encik Zulkifli bin Maarof	14.12.2007
Encik Mazlan bin Mohammad	31.12.2007
Encik Shahrulail bin Asmon	1.2.2008
Encik Roslan bin Ab. Rashid	1.10.2007
Encik Mohd. Rodzai bin Daud	14.11.2007

Bertarikh 22 Mei 2008

Dated 22 May 2008

[PSUK.PK.(BKP) 1A 355/951/2/7 Jld. 3(4);

PU.Pk. 26/05]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI

Setiausaha/Secretary

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/State Executive Council

Perak Darul Ridzuan

No. 877.

(Subseksyen 62(1))

PERIZABAN-PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

(Subsection 62(1))

RESERVATIONS OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Manjung Point, Mukim Lumut, Daerah Manjung yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam iaitu suatu tapak untuk surau dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak.

JADUAL

Daerah—Manjung. Mukim—Lumut. No. Pelan—P.W. 1806. Luas—1,738 meter persegi.

Bertarikh 14 Mei 2008

[PTG.Pk. 236/3-24(C); PT.MJG. A2/8/04-1;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 11]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Manjung Point, Mukim of Lumut, District of Manjung described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a surau and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Negeri Perak.

SCHEDULE

District—Manjung. Mukim—Lumut. Plan No.—P.W. 1806. Area—1,738 square metres.

Dated 14 May 2008
[PTG.Pk. 236/3-24(C); PT.MJG. A2/8/04-1;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 11]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 878.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di RPT Jalan Bemban, Mukim Sungai Terap, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Dewan Orang Ramai dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Daerah Kinta Barat.

JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Sungai Terap. No. Pelan—P.A. 82887. No. Lot—303335. Luas—1,077 meter persegi.

Bertarikh 14 Mei 2008
[PTG.Pk. 239/4-28(C); KT. 33/1-5953;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 12]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in RPT Jalan Bemban, Mukim of Sungai Terap, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a Community Hall and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Kinta Barat District Council.

SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Sungai Terap. Plan No.—P.A. 82887. Lot No.—303335.
Area—1,077 square metres.

Dated 14 May 2008
[PTG.Pk. 239/4-28(C); KT. 33/1-5953;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 12]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 879.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Taman Gading, Mukim Sungai Terap, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Sistem dan Perkhidmatan Pembetungan dan menetapkan bahawa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetungan.

JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Sungai Terap. No. Pelan—P.A. 96977. No. Lot—312446. Luas—1,347 meter persegi.

Bertarikh 14 Mei 2008
[PTG.Pk. 513/5/1-69 Jld. 4(C); KT. 33/1-5796;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 12]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Taman Gading, Mukim of Sungai Terap, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a Sewerage System and Services and has designated that the Federal Lands Commissioner shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Sewerage System Department.

SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Sungai Terap. Plan No.—P.A. 96977. Lot No.—312446.
Area—1,347 square metres.

Dated 14 May 2008
[PTG.Pk. 513/5/1-69 Jld. 4(C); KT. 33/1-5796;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 12]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 880.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Taman Bemban Raya, Mukim Sungai Terap, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk surau dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak.

JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Sungai Terap. No. Pelan—P.A. 99305. No. Lot—314152. Luas—1,012 meter persegi.

Bertarikh 14 Mei 2008
[PTG.Pk. 239/4-26 (C); KT. 33/1-5825;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 12]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Taman Bemban Raya, Mukim of Sungai Terap, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a surau and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak.

SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Sungai Terap. Plan No.—P.A. 99305. Lot No.—314152.
Area—1,012 square metres.

Dated 14 May 2008
[PTG.Pk. 239/4-26(C); KT. 33/1-5825;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 12]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 881.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Mukim Durian Sebatang, Daerah Hilir Perak, yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk kawasan lapang/rekreasi dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Perbandaran Teluk Intan.

JADUAL

1. Taman Jaya

Daerah—Hilir Perak. Mukim—Durian Sebatang. No. Pelan—P.A. 30272.
No. Lot—11378. Luas—9008 meter persegi.

2. Taman Teluk Intan

Daerah—Hilir Perak. Mukim—Durian Sebatang. No. Pelan—P.A.54787.
No. Lot—12969. Luas—11705 meter persegi.

3. Taman Teluk Intan

Daerah—Hilir Perak. Mukim—Durian Sebatang. No. Pelan—P.A. 55360.
No. Lot—13614. Luas—2813 meter persegi.

Bertarikh 14 Mei 2008
[PTG.Pk. 237/4-46(C); PTHP 5/12/483/(DS); PTHP 5/12/484(DS);
PTPH 15/12/486(DS); PU.Pk. 67/71-54 Jld. 12]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Durian Sebatang, District of Hilir Perak described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for an open space/recreational centre and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Teluk Intan Municipal Council.

SCHEDULE

1. Taman Jaya

District—Hilir Perak. Mukim—Durian Sebatang. Plan No.—P.A. 30272.
Lot No.—11378. Area—9008 square metres.

2. Taman Teluk Intan

District—Hilir Perak. Mukim—Durian Sebatang. Plan No.—P.A. 54787.
Lot No.—12969. Area—11705 square metres.

3. Taman Teluk Intan

District—Hilir Perak. Mukim—Durian Sebatang. Plan No.—P.A. 55360.
Lot No.—13614. Area—2813 square metres.

Dated 14 May 2008

[PTG.Pk. 237/4-46(C); PTHP 5/12/483/(DS); PTHP 5/12/484(DS);
PTHP 15/12/486(DS); PU.Pk. 67/71-54 Jld. 12]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI

Secretary

State Executive Council

Perak Darul Ridzuan

No. 882.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Taman Sentosa, Mukim Kampar, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk surau dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Negeri Perak.

JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Kampar. No. Pelan—P.A. 100947. No. Lot—308823.
Luas—1886 meter persegi.

Bertarikh 22 Mei 2008

[PTG.Pk. 239/2-43(C); PTG&K(B) 06-53/1998;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 12]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Taman Sentosa, Mukim of Kampar, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a surau and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Negeri Perak.

SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Kampar. Plan No.—P.A. 100947. Lot No.—308823.
Area—1886 square metres.

Dated 22 May 2008

[PTG.Pk. 239/2-43(C); PTG&K(B) 06-53/1998;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 12]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI

Secretary

State Executive Council

Perak Darul Ridzuan

No. 883.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Sungai Gelam, Mukim Pengkalan Bharu, Daerah Manjung yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Baitul Hilal untuk melihat Anak Bulan Ramadhan dan Syawal dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak.

JADUAL

Daerah—Manjung. Mukim—Pengkalan Bharu. No. Pelan—P.A. 74811. No. Lot—7115. Luas—12,156 meter persegi.

Bertarikh 22 Mei 2008

[PTG.Pk. 236/4-15(C); PT.MJG.A2/33/88-3;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 12]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI

Setiausaha

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Sungai Gelam, Mukim of Pengkalan Bharu, District of Manjung described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a Baitul Hilal for the purpose of viewing the beginning of Ramadhan and Syawal month and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.

SCHEDULE

District—Manjung. Mukim—Pengkalan Bharu. Plan No.—P.A. 74811. Lot No.—7115. Area—12,156 square metres.

Dated 22 May 2008

[PTG.Pk. 236/4-15(C); PT.MJG.A2/33/88-3;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 12]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI

Secretary

*State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

No. 884.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Taman Seri Muda, Mukim Bagan Serai, Daerah Kerian yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Sistem dan Perkhidmatan Pemetungan dan menetapkan bahawa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pemetungan.

JADUAL

Daerah—Kerian. Mukim—Bagan Serai. No. Pelan—P.A. 99508. No. Lot—20800. Luas—814 meter persegi.

Bertarikh 22 Mei 2008

[PTG.Pk. 513/6-12(C); PTK(D)02:22/2000;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 12]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI

Setiausaha

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Taman Seri Muda, Mukim of Bagan Serai, District of Kerian described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a Sewerage System and Services and has designated that the Federal Lands Commissioner shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Sewerage Services Department.

SCHEDULE

District—Kerian. Mukim—Bagan Serai. Plan No.—P.A. 99508. Lot No.—20800. Area—814 square metres.

Dated 22 May 2008

[PTG.Pk. 513/6-12(C); PTK(D)02:22/2000;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 12]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI

Secretary

*State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

No. 885.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Salak Utara, Mukim Kota Lama Kanan, Daerah Kuala Kangsar yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Perkuburan Cina dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh orang atau orang-orang yang dilantik dari semasa ke semasa oleh Pegawai Daerah Kuala Kangsar.

JADUAL

Daerah—Kuala Kangsar. Mukim—Kota Lama Kanan. No. Pelan—P.A. 100108.
No. Lot—5176. Luas—2.081 hektar.

Bertarikh 5 Jun 2008
[PTG.Pk. 241/5-8(C); PTSS. 1/3/14-95;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 12]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Salak Utara, Mukim of Kota Lama Kanan, District of Kuala Kangsar described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for Chinese Burial Ground and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by person or persons appointed from time to time by Kuala Kangsar District Officer.

SCHEDULE

District—Kuala Kangsar. Mukim—Kota Lama Kanan. Plan No.—P.A. 100108.
Lot No.—5176. Area—2.081 Hectare.

Dated 5 June 2008
[PTG.Pk. 241/5-8(C); PTSS. 1/3/14-95;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 12]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 886.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Taman Wan Abdul Jamal, Mukim Selama, Daerah Selama yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk padang permainan dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Daerah Selama.

JADUAL

Daerah—Selama. Mukim—Selama. No. Pelan—P.A. 100755. No. Lot—8709.
Luas—2110 meter persegi.

Bertarikh 5 Jun 2008

[PTG.Pk. 242/9-53(C); P.T.Sel.A/9/SEL/7/98;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 12]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Taman Wan Abdul Jamal, Mukim of Selama, District of Selama described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for playground and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Selama District Council.

SCHEDULE

District—Selama. Mukim—Selama. Plan No.—P.A. 100755. Lot No.—8709.
Area—2110 square metres.

Dated 5 June 2008

[PTG.Pk. 242/9-53(C); P.T.Sel.A/9/SEL/7/98;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 12]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI

Secretary

State Executive Council

Perak Darul Ridzuan

No. 887.

(Seksyen 15)

NOTIS-NOTIS SUPAYA MENGEMUKAKAN DOKUMEN

Kepada Lai Chiew Lock yang beralamat di B-39-5, City One Condomonium, Jalan Munshi Abdullah, bahawasanya adalah perlu bagi saya memeriksa dokumen/ dokumen-dokumen yang berikut berhubungan dengan tanah, iaitu: No. Hakmilik: PN 104454, No. Lot 17095, Mukim Durian Sebatang, Daerah Hilir Perak, Negeri Perak.

Dan bahawasanya saya ada sebab mempercayai—

- *(a) bahawa dokumen/dokumen-dokumen tersebut ada di dalam milik atau kawalan kamu;
- *(b) bahawa kamu ada maklumat berkenaan dengan di mana adanya dokumen/dokumen-dokumen tersebut.

Maka, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 15, Kanun Tanah Negara, saya dengan ini menghendaki kamu, dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh penyampaian notis ini—

- *(a) supaya mengemukakan dokumen/dokumen-dokumen tersebut untuk pemeriksaan;
- *(b) supaya memberi apa-apa maklumat sebagaimana yang ada pada kamu berkenaan dengan di mana adanya dokumen/dokumen-dokumen tersebut;

Dan ambil perhatian bahawa jika, tanpa sebab yang munasabah, kamu tidak *mengemukakan dokumen/dokumen-dokumen tersebut atau maklumat itu dalam tempoh yang dinyatakan maka kamu adalah melakukan suatu kesalahan terhadap seksyen 424 Kanun Tanah Negara.

Bertarikh 4 Jun 2008
[PTG.Pk. 220/12(A)]

PENDAFTAR HAKMILIK PERAK

No. 888.

Kepada Boh Boon Hock yang beralamat di No. 8, Jalan Lee Seng, 34900 Pantai Remis, Perak Darul Ridzuan dan/atau Boh Boon Hock, No. 73, Jalan Trong, Pandamaran Port Klang, 42000 Selangor, bahawasanya adalah perlu bagi saya memeriksa dokumen/dokumen-dokumen yang berikut berhubungan dengan tanah, iaitu: No. Hakmilik: GRN 3486 Lot 6844 di Mukim Hutan Melintang, Daerah Hilir Perak, Negeri Perak.

Dan bahawasanya saya ada sebab mempercayai—

- *(a) bahawa dokumen/dokumen-dokumen tersebut ada di dalam milik atau kawalan kamu;
- *(b) bahawa kamu ada maklumat berkenaan dengan di mana adanya dokumen/dokumen-dokumen tersebut.

Maka, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 15, Kanun Tanah Negara, saya dengan ini menghendaki kamu, dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh penyampaian notis ini—

- *(a) supaya mengemukakan dokumen/dokumen-dokumen tersebut untuk pemeriksaan;

- * (b) hakmilik/hakmilik-hakmilik sambungannya yang baru telah didaftarkan dan hakmilik/hakmilik-hakmilik keluaran adalah siap sedia untuk diambil;
- (c) supaya memberi apa-apa maklumat sebagaimana yang ada pada kamu berkenaan dengan di mana adanya dokumen/dokumen-dokumen tersebut;

Dan ambil perhatian bahawa jika, tanpa sebab yang munasabah, kamu tidak *mengemukakan dokumen/dokumen-dokumen tersebut atau maklumat itu dalam tempoh yang dinyatakan maka kamu adalah melakukan suatu kesalahan terhadap seksyen 424 Kanun Tanah Negara.

Bertarikh 18 Januari 2008

[PTG.Pk. 220/12(A)]

PENDAFTAR HAKMILIK PERAK

No. 889.

Kepada Abdul Rashid Ang bin Abdullah yang beralamat di No. 109, Jalan Taman Sungai Mas, Taman Sungai Mas, Taiping, 34000 Perak, bahawasanya adalah perlu bagi saya memeriksa dokumen/dokumen-dokumen yang berikut berhubungan dengan tanah, iaitu: No. Hakmilik: Geran 72186, No. Lot 22066, Mukim Durian Sebatang, Daerah Hilir Perak, Negeri Perak.

Dan bahawasanya saya ada sebab mempercayai—

- * (a) bahawa dokumen/dokumen-dokumen tersebut ada di dalam milik atau kawalan kamu;
- * (b) bahawa kamu ada maklumat berkenaan dengan di mana adanya dokumen/dokumen-dokumen tersebut.

Maka, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 15, Kanun Tanah Negara, saya dengan ini menghendaki kamu, dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh penyampaian notis ini—

- * (a) supaya mengemukakan dokumen/dokumen-dokumen tersebut untuk pemeriksaan;
- * (b) supaya memberi apa-apa maklumat sebagaimana yang ada pada kamu berkenaan dengan di mana adanya dokumen/dokumen-dokumen tersebut;

Dan ambil perhatian bahawa jika, tanpa sebab yang munasabah, kamu tidak *mengemukakan dokumen/dokumen-dokumen tersebut atau maklumat itu dalam tempoh yang dinyatakan maka kamu adalah melakukan suatu kesalahan terhadap seksyen 424 Kanun Tanah Negara.

Bertarikh 2 Jun 2008

[PTG.Pk. 220/12(A)]

PENDAFTAR HAKMILIK PERAK

No. 890.

Kepada Lai Chiew Lock yang beralamat di B-39-5, City One, Condomonium, Jalan Munshi Abdullah, 50100 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, bahawasanya adalah perlu bagi saya memeriksa dokumen/dokumen-dokumen yang berikut berhubung dengan tanah, iaitu: No. Hakmilik: Geran 18729, No. Lot 14300, Mukim Durian Sebatang, Daerah Hilir Perak, Negeri Perak.

Dan bahawasanya saya ada sebab mempercayai—

- *(a) bahawa dokumen/dokumen-dokumen tersebut ada di dalam milik atau kawalan kamu;
- *(b) bahawa kamu ada maklumat berkenaan dengan di mana adanya dokumen/dokumen-dokumen tersebut.

Maka, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 15, Kanun Tanah Negara, saya dengan ini menghendaki kamu, dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh penyampaian notis ini—

- *(a) supaya mengemukakan dokumen/dokumen-dokumen tersebut untuk pemeriksaan;
- *(b) supaya memberi apa-apa maklumat sebagaimana yang ada pada kamu berkenaan dengan di mana adanya dokumen/dokumen-dokumen tersebut;

Dan ambil perhatian bahawa jika, tanpa sebab yang munasabah, kamu tidak *mengemukakan dokumen/dokumen-dokumen tersebut atau maklumat itu dalam tempoh yang dinyatakan maka kamu adalah melakukan suatu kesalahan terhadap seksyen 424 Kanun Tanah Negara.

Bertarikh 2 Jun 2008
[PTG.Pk. 220/12(A)]

PENDAFTAR HAKMILIK PERAK

No. 891.

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik pendua/menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik diakui hilang oleh wakil pemiliknya.

JADUAL

Mukim—Belanja. No. Lot—302354. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 811. Luas— .2996 Hektar. Nama Tuan Punya Tanah—Haji Rahmah binti Yeop (No. K.P. 0388692) No. 10, Kampung Bendera, 31000 Batu Gajah, Perak.

Bertarikh 2 Jun 2008
[KD. 13/2-299]

AHMAD BASHIR BIN ABDUL RAHIM
*Pentadbir Tanah Daerah
Kinta*

No. 892.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik pendua/menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik diakui hilang oleh pemilik.

JADUAL

Mukim—Tg. Tualang. No. Lot—300134. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 2850. Luas—502 meter persegi. Nama Tuan Punya Tanah—Dhamodran a/l Krishnan, Pt. 6336, Lot 303678, RPT, Desa Changkat 3, 31000 Batu Gajah, 1/1 bhg.

Bertarikh 5 Jun 2008
[KD. 13/4-482]

AHMAD BASHIR BIN ABDUL RAHIM
*Pentadbir Tanah Daerah
Kinta*

No. 893.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik pendua/menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik diakui hilang oleh pemiliknya.

JADUAL

Mukim—Belanja. No. P.T.—631. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M). 1333. Luas—418 meter persegi. Nama Tuan Punya Tanah—Wong Wai Kok, (No. K.P. 540923-08-6293), No. 12, Lorong 3, 31750 Tronoh, Perak.

Bertarikh 10 Jun 2008
[KD. 13/2-300]

AHMAD BASHIR BIN ABDUL RAHIM
*Pentadbir Tanah Daerah
Kinta*

No. 894.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik pendua/menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik diakui hilang oleh pemilik.

JADUAL

Mukim—Tg. Tualang. No. Lot—43053. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 596. Luas—3.8217 hektar. Nama Tuan Punya Tanah—Mahani binti Anjang Mat Taib 1/2 bhg. dan Mahyah binti Anjang Mat Taib 1/2 bhg. Kg. Batu 8, Jalan Tg. Tualang, 31000 Batu Gajah.

Bertarikh 10 Jun 2008
[KD. 13/4-483]

AHMAD BASHIR BIN ABDUL RAHIM
*Pentadbir Tanah Daerah
Kinta*

No. 895.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik pendua/menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik diakui hilang oleh pemiliknya.

JADUAL

Mukim—Belanja. No. Lot—16902. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 102. Luas—2.1043 Hektar. Nama Tuan Punya Tanah—Lee Pooi, (No. K.P. 480409-08-5173), No. 17, Jalan Bota, Rancangan Perkampungan, 31750 Tronoh, Perak.

Bertarikh 11 Jun 2008
[KD. 13/2-301]

AHMAD BASHIR BIN ABDUL RAHIM
*Pentadbir Tanah Daerah
Kinta*

No. 896.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik pendua/menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik diakui hilang oleh pemiliknya.

JADUAL

Mukim—Belanja. No. P.T.—2777. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 1441. Luas—371.6 meter persegi. Nama Tuan Punya Tanah—Yong Piang, (No. K.P. 510605-08-6055), No. 17, Leboh Sayang Dua, Taman Sayang, 31000 Batu Gajah, Perak.

Bertarikh 16 Jun 2008
[KD. 13/2-302]

AHMAD BASHIR BIN ABDUL RAHIM
*Pentadbir Tanah Daerah
Kinta*

No. 897.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Suratan hakmilik telah diakui hilang oleh Mat Sharif bin Mat Aroh, di alamat: 27, Kg. Bukit Chupak, 32800 Parit, Perak Darul Ridzuan.

JADUAL

Mukim—Layang-Layang. No. Lot—6361. Daerah—Perak Tengah. Luas—0.7793 hektar. Jenis dan Hakmilik—G.M. 1453. Tuan Punya Berdaftar—Mohd Sharif bin Mohd Aroh (PM) 1/1 bhg.

Bertarikh 4 Jun 2008
[PTSI/11-44/2008]

HJ ZAINUDDIN BIN SAID
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah
Perak Tengah, Seri Iskandar*

No. 898.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik diakui hilang oleh pemilik.

JADUAL

Mukim—Teja. No. P.T.—118. Jenis dan Hakmilik—H.S.M. 16/86. Luas—246.8582 meter persegi (0.061 ekar). Nama Tuan Punya Tanah—Harnam Kaur a/p Bhola Singh, 19, Jalan PUJ 7/1, Taman Puncak Jalil, 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh 6 Jun 2008
[PTG&K(D) 13/2-22]

LAILY SUHANA BINTI RAMLI
*Pentadbir Tanah Daerah
Gopeng & Kampar*

No. 899.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Surat hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

JADUAL

Mukim	No. Geran	No. Lot	Luas	Nama-nama Tuan Tanah	No. Fail PTLM
	P.M.		METER PERSEGI		
Asam Kumbang	5675	31442	372	Kamariah binti Salman 1/1 bhg.	260/58/2008/01
	G.M.		HEKTAR		
Bukit Gantang	1466	3352	4.0469	Ooi Cheong Leng 7/10 bhg. dan Quah Saw Tuan 3/10 bhg.	260/59/2008/03
	H.S.M.				
Terong	83	1476	0.2809	Zamili bin Mohamed 1/1 bhg.	260/60/2008/10
	P.T.				
Asam Kumbang	273/81	502	328.80 66 mp	Mohamed Razali bin Mohd Halib @ Khalid 1/1 bhg.	260/61/2008/01
	P.M.				
Pengkalan Aor	365	3693	196 mp	Rajeswari a/p Nadarajan 1/1 bhg.	260/62/2008/06
	G.M.		HEKTAR		
Sg. Tinggi	2761	1649	1.1255	Har Swee Yong 1/1 bhg.	260/63/2008/09
	H.S.M.	P.T.			
Jebong	992	853	501 mp	Halim bin Ishak 1/1 bhg.	260/64/2008/04
	G.M.		HEKTAR		
Jebong	900	37	2.074	Abdullah bin Sudin 6/32 bhg., Long bin Mat Alim 6/8 bhg., Osman bin Sudin 1/32 bhg. dan Sabariah binti Ayub 1/32 bhg.	260/65/2008/04

Bertarikh 9 Jun 2008
[PTLM. 260/58A/2008/01]

ZAINAL BADRI BIN ABU BAKAR
*Pentadbir Tanah Daerah
Larut, Matang dan Selama*

No. 900.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan suratan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini sebab yang berikut:

Hakmilik telah diakui hilang.

JADUAL

(1) Mukim Tarikh Permohonan	(2) Nama Pemohon	(3) No. Hakmilik G.M.	(4) Lot/ PT	(5) Luas E. R. P.	(6) Nama Tuan Tanah Bahagian dan No. Fail
Sayung 23.4.2008	Aina & Co.	5269	2419	2 1 27	Arunachalam Chettiar Nagappan 1/1 bhg. PTKK (P/H) 51/2008
K. Lama Kiri 23.4.2008	Hasni bin Abdul Rashid	3023	1276	1 0 30	Hasni bin Abdul Rashid 1/3 bhg., Noor Azmi bin Abd Rashid 1/3 bhg. dan Ramli bin Abdul Rashid 1/3 bhg. PTKK (P/H) 52/2008
Senggang 24.4.2008	Jariah binti Uda Tamat	EMR 1538 (GM 7044)	1518	3 1 11	Abdullah bin Tuan 51/108 bhg. dan Jariah binti Uda Tamat 19/36 bhg.— Pemegang Amanah PTKK (P/H) 53/2008
K. Lama Kiri 2.5.2008	Zulkfley bin Hamid	5848 (GM 4037)	1814	5 1 13	Aw Ah Cheo 7/40 bhg., Aw Chiew Keat 7/40 bhg., Azbah binti Hamid 7/100 bhg., Lauyah binti Mat Jidin 3/10 bhg., Mohd Anuar bin Hamid 7/50 bhg. dan Zulkfley bin Hamid 7/50 bhg. PTKK (P/H) 54/2008
Sayung 6.5.2008	Zainab binti Nordin	GM 2909	9880	5 0 30	Ahmad Kamil Zulkifli 129500/525360 bhg., Khairi bin Haji Nordin 24500/525360 bhg., Mohamed Adam bin Haji Shamsuddin 1595/5970 bhg., Mohd Zubir bin Hj. Abd Rahim 1750/17910 bhg., Nor Salasiah binti Lope Peei 875/11940 bhg., Samsiah binti Haji Abdul Rahim 1750/17910 bhg., Sarina binti Haji Baharudin 875/11940 bhg. dan Zaikiah binti Hj Abd. Rahim 1750/17910 bhg. PTKK (P/H) 55/2008
Senggang 12.5.2008	Hasnah binti Kassim	EMR 1522 (GM 7036)	475	2 1 0	Alang Mat Yassin 1/6 bhg.—as Guardian, Hasnah binti Kassim 1/6 bhg., Mahamood bin Yin 1/6 bhg., Mahmud bin Yen 1/12 bhg., Nizam bin Ngat Mat Dan 1/12 bhg., Saidin bin Uda Mat Piah 1/6 bhg. dan Yeop Ahmad bin Kulop Zamin 1/6 bhg.

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	PTKK (P/H) 56/2008 (6)
		EMR		E. R. P.	
